

KEBERKESANAN PROGRAM INKUBATOR KEUSAHAWANAN DALAM MEMUPUK MINAT BERNIAGA DI KALANGAN PELAJAR

THE EFFECTIVENESS OF THE ENTREPRENEURSHIP INCUBATOR PROGRAM IN DEVELOPING ENTREPRENEURIAL INTEREST AMONG STUDENTS

Nur Aqila Binti Hussin

¹ Author A affiliation: Politeknik Mersing
(E-mail: nuraqila@tvvet.pmj.edu.my)

Article history

Received date : 18-7-2025

Revised date : 19-7-2025

Accepted date : 25-8-2025

Published date : 24-9-2025

To cite this document:

Hussin, N. A. (2025). Keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (28), 23 - 30.

Abstrak: Program inkubator telah banyak dijalankan di Politeknik Mersing Johor. Namun begitu, secara tinjauan dilihat setiap program yang dijalankan belum mampu untuk melahirkan pelajar yang betul-betul berminat dalam bidang keusahawanan. Ini dapat dibuktikan apabila program ini kurang mendapat sambutan dari pelajar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah soal selidik yang terdiri daripada lima skala nominal. Sampel kajian melibatkan seramai 57 orang pelajar Politeknik Mersing yang dipilih secara rawak. Instrumen soal selidik yang dibina sendiri telah melalui proses semakan bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan item, dengan nilai kebolehpercayaan diuji menggunakan analisis Cronbach Alpha. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti jenis program inkubator keusahawanan yang paling banyak disertai oleh pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa sambutan pelajar terhadap program inkubator keusahawanan masih rendah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mendapati bahawa jenis program utama yang disertai oleh pelajar ialah program keusahawanan, dengan kadar penyertaan sebanyak 40.4%. Dapatan ini mencerminkan kecenderungan pelajar dalam memilih program yang berkaitan secara langsung dengan dunia keusahawanan. Kajian ini juga menekankan kepentingan program inkubator keusahawanan dalam membentuk minat serta kemahiran berniaga dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar usaha penambahbaikan dilakukan dalam penganjuran program inkubator keusahawanan dengan lebih efektif serta menarik agar dapat meningkatkan penyertaan pelajar. Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran awal mengenai penyertaan pelajar dalam program inkubator keusahawanan dan kepentingannya dalam membentuk minat berniaga. Dapatan ini boleh dijadikan asas untuk perancangan dan pelaksanaan program yang lebih berkesan pada masa hadapan bagi memastikan objektif utama pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar dapat dicapai.

Kata Kunci: Program Inkubator, Keusahawanan, Minat Berniaga.

Abstract: *Entrepreneurship incubator programs have been widely implemented at Politeknik Mersing Johor. However, based on preliminary observations, these programs have not yet succeeded in producing students who are genuinely interested in entrepreneurship. This is evident from the lack of student participation in such programs. Therefore, this study aims to identify the effectiveness of the entrepreneurship incubator programs in developing entrepreneurial interest among students. This study adopts a quantitative approach using a questionnaire method based on a five-point nominal scale. The study sample consists of 57 randomly selected students from Politeknik Mersing. The self-developed questionnaire instrument underwent a validation process to ensure the reliability and validity of the items, with the reliability measured using Cronbach's Alpha analysis. The collected data were analysed descriptively to identify the most participated types of entrepreneurship incubator programs among students. This study also highlights the importance of entrepreneurship incubator programs in developing students' interest and business skills. Therefore, the study recommends improvements in the organization of entrepreneurship incubator programs to make them more effective and appealing, thereby increasing student participation. In conclusion, this study provides an initial overview of student involvement in entrepreneurship incubator programs and their importance in developing entrepreneurial interest. The findings can serve as a foundation for the planning and implementation of more effective future programs to ensure the primary objectives of entrepreneurship development among students are achieved. The findings reveal that student participation in entrepreneurship incubator programs remains low. Nevertheless, the study found that the most commonly attended program was the entrepreneurship program, with a participation rate of 40.4%. This finding indicates a tendency among students to choose programs that are directly related to the field of entrepreneurship.*

Keywords: *Incubator Program, Entrepreneurship, Entrepreneurial Interest.*

Pengenalan

Bagi menarik minat pelajar, institusi boleh memperkenalkan beberapa program yang dapat membantu pelajar dalam bidang keusahawanan. Antara program yang dapat membantu adalah seperti bimbingan perniagaan, akses kepada modal permulaan dan latihan praktikal. Di samping itu, pensyarah juga boleh mengambil bahagian secara aktif dalam memberi inspirasi melalui perkongsian pengalaman sebenar. Selain itu, pihak institusi dan pensyarah boleh mengadakan program praktikal seperti simulasi perniagaan, lawatan industri, serta sesi bersama usahawan berjaya. Ini akan memberi pendedahan sebenar kepada pelajar bagi memupuk dan meningkatkan minat serta membina keyakinan dalam bidang keusahawanan. Pihak institusi perlu memainkan peranan yang besar dalam memperbanyakkan pendekatan dalam pelajaran yang lebih dinamik dan berasaskan dunia sebenar, program seperti ini membantu dalam menarik minat pelajar untuk mendekati kerjaya terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Program inkubator juga dapat membantu pelajar memahami realiti dunia keusahawanan. Melalui program inkubator, pelajar akan mendapat pendedahan kepada usahawan berjaya melalui ceramah atau sesi perkongsian juga boleh memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar untuk menceburi bidang ini. Justeru itu pelajar akan lebih peka dan berpotensi mencungkil bakat bagi memberikan membangunkan perniagaan akan datang. Program ini memberi pelajar pengalaman dunia perniagaan, mengasah kemahiran praktikal, serta membina daya saing. Ia juga membuka peluang rangkaian dan membantu pelajar menjadi usahawan muda yang mampu menjana ekonomi dan inovasi baharu. Program Inkubator Keusahawanan

membantu pelajar memahami asas perniagaan, mengasah kemahiran, dan membina keyakinan diri. Selain itu, ia membuka peluang rangkaian serta menggalakkan inovasi, membolehkan pelajar menjadi usahawan berjaya dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Namun begitu, timbul persoalan sejauh mana program inkubator keusahawanan ini dapat memupuk minat berniaga dalam kalangan pelajar. Ini kerana hampir setiap semester program inkubator dilaksanakan, tetapi program ini dilihat masih kurang berjaya untuk memupuk minat pelajar berniaga. Buktinya apabila program ini dijalankan, sambutan dari pelajar amat mengecewakan. Bukan itu sahaja, pensyarah juga sukar untuk mencari pelajar yang secara sukarela menyertai program inkubator yang dijalankan. Oleh itu, kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti sama ada program inkubator keusahawanan berkesan atau tidak bagi memupuk minat berniaga dalam kalangan pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengetahui jenis program inkubator keusahawanan yang pernah disertai oleh pelajar Politeknik Mersing.
2. Menilai tahap keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar Politeknik Mersing.

Sorotan Kajian

Program inkubator keusahawanan antara peranan penting dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar. Kajian menunjukkan bahawa program ini tidak hanya membantu dalam pembangunan keusahawanan, tetapi juga menyediakan sokongan pendidikan dan latihan yang diperlukan untuk usahawan muda. Efikasi keusahawanan dapat ditingkatkan melalui program-program yang dirancang khusus untuk pelajar, yang mana ini dapat mendorong mereka untuk terlibat dalam penciptaan perniagaan (Norhisham & Sahid, 2022). Dapatan ini turut diperkuatkan oleh Jimainal et al. (2022) yang menunjukkan bahawa sokongan daripada inkubator seperti latihan dan bimbingan memberi kesan signifikan terhadap prestasi perniagaan pelajar usahawan. Selain itu, program inkubator juga berfungsi sebagai platform untuk mendorong inovasi dalam penghasilan produk dan perkhidmatan baru, yang penting untuk menarik minat pelajar dalam dunia perniagaan (Sabarudin et al., 2022). Sokongan pendidikan dan latihan yang diberikan oleh program inkubator keusahawanan juga terbukti berkesan dalam mendedahkan kemahiran dan meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai keusahawanan. Pendidikan ICT dapat memperkasakan keusahawanan luar bandar, yang menunjukkan bahawa pendidikan yang tepat dapat membantu pelajar mengatasi cabaran dalam perniagaan (Ahmad et al., 2023). Rosli et al. (2024) pula menjelaskan bagaimana pendidikan digital dalam inkubator politeknik membantu memperkukuh kemahiran teknikal dan keyakinan diri pelajar dalam perniagaan digital. Program inkubator keusahawanan juga dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan menghasilkan usahawan yang berdaya saing terutamanya di kalangan pelajar. Terdapat hubungan positif antara sikap keusahawanan dan keinginan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar (Rao & Rahman, 2022). Dengan menyediakan sokongan yang diperlukan, program ini tidak hanya meningkatkan minat pelajar untuk berniaga tetapi juga membantu mereka membina kerjaya yang berdaya maju dalam bidang keusahawanan, yang seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Ling et al., 2022).

Kajian menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan yang awal dapat mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk terlibat dalam perniagaan pada masa hadapan (Janius et al., 2023;,

Malik et al., 2022). Kajian oleh Othman et al. (2022) turut menyokong dapatan ini apabila mendapati pendidikan keusahawanan secara formal berkait rapat dengan pembentukan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. Penyelidikan menunjukkan bahawa kemahiran pengurusan dan orientasi keusahawanan adalah faktor penting dalam prestasi perniagaan, dan inkubator menyediakan platform untuk pelajar mengembangkan kemahiran ini (Ismail et al., 2022; Sabri et al., 2023). Ini adalah penting untuk memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran dalam perniagaan yang kompetitif. Persekitaran yang menyokong inovasi adalah kunci untuk meningkatkan daya saing dalam kalangan usahawan muda (Razali et al., 2022). oleh itu, inkubator berfungsi sebagai tempat di mana pelajar boleh bereksperimen dengan idea-idea baru dan mengembangkan produk atau perkhidmatan inovatif. Selain itu, pengalaman praktikal dalam keusahawanan atau perniagaan adalah satu lagi aspek penting yang ditawarkan oleh inkubator. Pembelajaran melalui mentor dalam inkubator sangat penting untuk membina kemahiran abad ke-21 dan kesiapsiagaan pelajar terhadap cabaran industri 4.0 (Ho & Turner, 2019). Ini bukan sahaja meningkatkan pemahaman mereka tentang dunia perniagaan tetapi juga membina keyakinan diri mereka untuk mengambil risiko dalam keusahawanan (Norhisham & Sahid, 2022). Pengalaman ini sangat berharga dalam membentuk keperibadian dan kemahiran pelajar sebagai usahawan masa depan. Walaupun banyak kelebihan dapat dilihat, Indiran et al. (2018) menekankan bahawa pengurusan inkubator di Malaysia turut berdepan pelbagai cabaran seperti kekangan infrastruktur, kekurangan tenaga pakar, dan ketidakstabilan pembiayaan. Oleh itu, kajian keberkesanan seperti ini amat penting bagi mengenal pasti keperluan penambahbaikan pada masa akan datang.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 57 orang pelajar dari Politeknik Mersing Johor sebagai sampel. Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik yang dibina sendiri, namun soal selidik ini telah melalui prosedur pembinaan item yang lengkap, termasuk proses semakan. Kebolehpercayaan item adalah tinggi, ini dapat dibuktikan dengan nilai Cronbach Alpha 0.985. Analisis yang digunakan dalam kajian ini bersifat deskriptif, di mana tahap skor min diukur berdasarkan kategori yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019), iaitu 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

Latar Belakang Responden


Jadual 1: Latar Belakang Reponden

Kategori	Pilihan	Bilangan Responden (%)
Jantina	Lelaki	57.9%
	Perempuan	42.1%
Jabatan	JP	22.9%
	JKE	28.1%
	JTMK	48.1%
Semester	1	17.2%
	2	12.1%
	3	17.2%

	4	37.9%
	5	13.8%
	6	1.7%
HPNM	2.01 - 3.00	19.3%
	3.01 - 4.00	63.2%
	Sem 1 (Tiada HPNM)	17.5%
endapatan Ibu Bapa	RM1000 ke bawah	61.4%
	RM1000 - RM4850	12.3%
	RM4850 - RM10000	28.3%

Analisis Dapatan Kajian

Jenis Program Inkubator Keusahawanan Yang Disertai Oleh Pelajar



Rajah 1: Jenis program inkubator keusahawanan yang disertai oleh pelajar

Analisis dapatan dalam Rajah 1 menunjukkan jenis program inkubator keusahawanan yang disertai oleh pelajar. Jenis program yang utama disertai oleh pelajar ialah Program Keusahawanan (40.4%) diikuti oleh program Bengkel dan Seminar Keusahawanan (38.6%) dan Pertandingan Rancangan Perniagaan (29.8%). Namun begitu berdasarkan analisis 5n juga mendapati jenis program inkubator keusahawanan yang paling kurang mendapat perhatian adalah Program Pembiayaan dan Geran yang hanya mencatat sebanyak 8.8% sahaja.

Keberkesanan Program Inkubator Keusahawanan dalam Memupuk Minat Berniaga di Kalangan Pelajar

Jadual 2: Analisis Tahap Keberkesanan Program Inkubator Keusahawanan

Item	Min	S.P	Tahap
1. Program inkubator keusahawanan di kampus telah meningkatkan pemahaman saya tentang dunia perniagaan.	4.175	0.759	Tinggi
2. Program ini membantu saya membangunkan kemahiran asas dalam pengurusan perniagaan.	4.175	0.759	Tinggi
3. Saya berasa lebih yakin untuk memulakan perniagaan selepas menyertai program inkubator keusahawanan.	4.175	0.759	Tinggi
4. Program ini memberikan bimbingan dan sokongan yang mencukupi untuk membina perniagaan.	4.158	0.727	Tinggi
5. Aktiviti dalam program inkubator keusahawanan menarik dan memberi motivasi kepada saya untuk berniaga.	4.228	0.732	Tinggi
6. Saya dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperoleh daripada program ini dalam dunia sebenar.	4.193	0.766	Tinggi
7. Program ini berkesan dalam memupuk minat saya untuk menceburi bidang keusahawanan.	4.211	0.773	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan tahap persetujuan pelajar terhadap keberkesanan program inkubator keusahawanan dalam memupuk minat berniaga di kalangan pelajar. Secara keseluruhan responden bersetuju bahawa program inkubator berkesan dalam memupuk sikap berniaga dalam kalangan pelajar. Item yang memperoleh nilai min tertinggi adalah program inkubator keusahawanan ini menarik dan memberi motivasi kepada pelajar untuk berniaga (4.228), diikuti oleh peranan dalam memupuk minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan (4.211), dan responden bersetuju bahawa pelajar dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperoleh daripada program ini dalam dunia sebenar (4.193). Ini menunjukkan bahawa aktiviti dalam program dapat memberikan impak yang positif kepada peserta. Selain itu, program ini juga dapat menanam minat keusahawanan dan memberi kemahiran baru dalam bidang keusahawanan yang boleh diaplikasikan dalam dunia sebenar. Secara rumusannya, program inkubator berjaya dalam membina sikap berniaga di kalangan pelajar Politeknik Mersing.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa program inkubator telah banyak dilaksanakan di Politeknik Mersing. Namun begitu, program-program ini masih belum mampu melahirkan pelajar yang cenderung dalam bidang keusahawanan. Hal ini kerana kurangnya sambutan daripada pelajar itu sendiri. Walaupun secara rumusan program ini berjaya dalam membina sikap berniaga di kalangan pelajar, namun kajian menunjukkan bahawa masih terdapat pelajar yang tidak pernah menyertai sebarang program yang dijalankan. Antara faktor yang menyumbang kepada isu ini ialah kelemahan dalam penguatkuasaan serta kurangnya

kesedaran institusi terhadap pentingnya penglibatan pelajar dalam program-program keusahawanan. Akibatnya, kadar penyertaan pelajar dalam program ini masih rendah dan kurang memuaskan, sekaligus menjejaskan objektif utama program inkubator.

Untuk meningkatkan minat pelajar terhadap bidang keusahawanan, institusi dan pensyarah perlu menyediakan pendedahan praktikal serta kaedah pengajaran interaktif. Lawatan industri, program mentor, dan projek perniagaan sebenar dapat memberikan pengalaman langsung kepada pelajar. Selain itu, penggunaan simulasi perniagaan dan kajian kes membantu meningkatkan pemahaman mereka. Program latihan keusahawanan, pertandingan inovasi, dan penyediaan dana kepada pelajar berpotensi juga penting. Penglibatan dalam aktiviti seperti membuka gerai kecil dan bimbingan pengurusan kewangan mengukuhkan pemahaman pelajar. Pendedahan kepada kisah kejayaan usahawan, seminar, serta fleksibiliti kurikulum menjadikan pembelajaran lebih relevan. Dengan pendekatan ini, minat pelajar terhadap keusahawanan dapat dipupuk dan dikembangkan.

Rujukan

- Ahmad, K., Rashid, S., Sharif, N., & Hassan, F. (2023). Memperkasakan keusahawanan luar bandar melalui pendidikan ict: cabaran dan potensi di kubang pasu, kedah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 8(3), e002185. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2185>
- Ho, M. T., & Turner, M. (2019). Entrepreneurial learning – The role of university-led business incubators and mentors in equipping graduates with the necessary skill set for Industry 4.0. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(3), 75–88. <https://hrmars.com/index.php/IJARPED/article/view/20333>
- Indiran, R., Khalifah, Z., & Ismail, Z. (2018). The challenges of business incubation: A case of Malaysian incubators. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 51, 468–477. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2018.07.02.51>
- Ismail, S., Ramli, A., & Othman, S. (2022). Kompetensi pengurusan dan prestasi perniagaan: orientasi keusahawanan sebagai pengantara dalam pks malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 66. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2022-66-12>
- Janius, N., Jahadi, N., Abdullah, S., & Ling, M. (2023). Kesedaran pendidikan keusahawanan terhadap kerjaya kanak-kanak di masa hadapan: satu tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 8(5), e002286. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2286>
- Jimainal, M. N. H., Nor, M. A. M., Zakaria, S., & Musa, R. (2022). The effect of business support from business incubator towards the performance of entrepreneurs in the early start-up companies in Malaysia with the moderating effect of risk-taking propensity. *Journal of Entrepreneurship and Business Innovation*, 9(1), 32–45. <https://macrojournal.org/index.php/jebi/article/view/194>
- Ling, L., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(3), e001345. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1345>
- Malik, M., Malik, M., Ghazali, J., Mohamad, R., Rahman, A., Kairan, O., ... & Mustapha, M. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi hasrat keusahawanan di kalangan pelajar pengajian tinggi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(9), e001720. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1720>

- Norhisham, N. and Sahid, S. (2022). Efikasi keusahawanan dan impaknya terhadap penciptaan perniagaan dalam pendidikan keusahawanan di universiti awam. *Akademika*, 92(3), 81-90. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-06>
- Othman, N. H., Othman, N., & Juhdi, N. H. (2022). Does entrepreneurship education affect pre-start-up behavior in Malaysia? A multi-group analysis approach. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(4), 1–17. <https://doi.org/10.3390/ijerph19042230>
- Rao, N. and Rahman, R. (2022). Pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(11), e001909. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1909>
- Razali, S., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Pengaruh pemikiran reka bentuk ke atas keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(1), 85-98. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1245>
- Rosli, N. S., Zakaria, H., & Ramli, M. R. (2024). Discovering the impacts of implementing digital entrepreneurship education in business incubation program at Malaysian polytechnics. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(6), 110–124. <https://hrmars.com/index.php/IJARBSS/article/view/24335>
- Sabarudin, A., Lokman, N., Jantan, N., Zainuridin, N., Halim, A., & Khoiry, M. (2022). Tinjauan keberkesanan program keusahawanan di universiti kebangsaan malaysia (ukm) terhadap kebolehpasaran graduan menurut perspektif alumni ukm. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(2), e001272. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1272>
- Sabri, N., Ishak, S., Omar, A., & Manaf, A. (2023). Peranan kebolehan organisasi kepada prestasi perniagaan perusahaan kecil dan sederhana. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 8(12), e002628. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i12.2628>
- We also need you to provide D.O.I. for each references listed in your article to increase citation.